



## SIARAN MEDIA

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA PERKUKUH EKOSISTEM PEMBIAYAAN SOSIAL ISLAM MELALUI INISIATIF BURSA SOSIAL

---

**KUALA LUMPUR, 25 Mei 2026** – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) memperkukuh peranannya dalam pembangunan ekosistem pembiayaan sosial Islam negara menerusi kerjasama strategik dengan Impakrintas, Bursa Sosial pertama di Malaysia sempena Majlis Pelancaran Bursa Sosial di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kewangan dan menghimpunkan pelbagai organisasi bukan keuntungan (NPO), pemain industri, institusi korporat serta agensi berkaitan dalam memperkasa pembangunan ekosistem pembiayaan sosial negara yang lebih telus, tersusun dan berimpak tinggi.

Kerjasama dalam inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan YWM dalam memperluas penggunaan instrumen kewangan sosial Islam termasuk wakaf, infak dan dana sosial secara lebih efektif, bertanggungjawab dan mampan selaras dengan aspirasi pembangunan sosial negara.

Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr. Ridzwan Bakar berkata, kerjasama pelbagai pihak melalui platform seperti Impakrintas membuka ruang yang lebih luas untuk memperkukuh keberkesanan penyaluran dana sosial kepada golongan memerlukan melalui pendekatan yang lebih sistematik dan berasaskan tadbir urus yang baik.

*“YWM komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh ekosistem pembiayaan sosial Islam negara melalui pendekatan kolaboratif bersama sektor korporat, NPO dan institusi berkaitan agar manfaat yang disalurkan dapat memberi impak yang lebih besar dan menyeluruh kepada masyarakat,”* katanya.

Sebagai sebahagian daripada penglibatan dalam inisiatif Bursa Sosial, YWM turut menzahirkan sumbangan sebanyak RM25,000 terhadap projek YOKUK Community Palliative Care, salah satu NPO awal yang sedang mengumpul dana bagi projek impak sosial di Impakrintas. Projek ini membantu pesakit kronik, terlantar dan berpenyakit serius khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar dan kurang berkemampuan di Gua Musang, Kelantan.

Program penjagaan paliatif berasaskan komuniti itu memberi fokus kepada lawatan penjagaan di rumah, sokongan fisioterapi, latihan kepada penjaga pesakit serta bantuan peralatan perubatan bagi memastikan pesakit menerima penjagaan yang lebih selesa dan bermaruah di kediaman masing-masing.

Sebagai makluman, Impakrintas merupakan pengendali Bursa Sosial yang beroperasi selaras dengan rangka kerja dan Garis Panduan Bursa Sosial Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan penekanan terhadap aspek ketelusan, tadbir urus dan akauntabiliti dalam pengurusan dana sosial.

**– TAMAT –**

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**25 Mei 2026**

---

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**  
**Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**